

KAJIAN KEPUSTAKAAN

2.0 Pengenalan

Kajian kepustakaan juga dikenali sebagai tinjauan kajian berkaitan. Kajian kepustakaan ini adalah penting dilakukan supaya dapat mengumpul maklumat yang berkaitan dengan bidang yang ingin dikaji kelak. Rujukan yang meluas ini akan membantu pengkaji menjalankan kajian secara terperinci. Kajian kepustakaan sedemikian ini juga akan membolehkan penyelidik dapat menganalisis pandangan dan pendapat pengkaji-pengkaji lain. Fenomena percampuran dan penukaran kod merupakan sesuatu yang lazim dalam kalangan penutur dwibahasa atau polibahasa (Asmah Hj. Omar, 1985). Negara Malaysia yang didiami oleh pelbagai kaum, tidak boleh lari dari fenomena ini.

Dalam bab ini, pengkaji akan meninjau kajian mengenai definisi '*bilingualism*' dan '*multilingualism*', kajian penukaran kod oleh pengkaji luar negara, dan kajian penukaran kod oleh pengkaji tempatan.

2.1 Bilingualism dan Multilingualism

Istilah 'dwibahasa' bermaksud dua bahasa. Mackey (1957), mendefinisikan '*bilingualism*' atau dwibahasa sebagai penggunaan dua atau lebih bahasa secara berselang-seli:

'..... bilingualism is the alternate use of two or more languages by the same individual'

Dalam laporan Sibayan (1974) diterangkan tentang “teori *big push*” di mana beliau telah memperincikan pendidikan dwibahasa di Filipina akan mengalami 5 peringkat yang berbeza. Ini akan membolehkan bahasa kebangsaan Filipina memperoleh status yang sama dengan English pada peringkat yang kelima. Ada juga tanggapan bahawa kedua-dua bahasa tersebut akan digunakan antara satu sama lain dan digabungkan secara kerap dan situasi ini akan memberikan klimaks yang sesuai untuk pembentukan bahasa Philipino- English.

Menurut Daniel (1993), dari segi istilah sociolinguistik, ‘*bilingual*’ bermaksud seseorang dapat bertutur dengan baik dalam dua atau lebih daripada dua bahasa. Takrif ‘dwibahasa’ ini mencakupi dua pengertian. Pertama, seseorang yang dapat bertutur dalam dua bahasa pada kadar penguasaan yang sama. Dan yang kedua pula ialah, seseorang yang mampu bertutur dalam lebih daripada dua bahasa, iaitu berupaya bertutur dalam pelbagai bahasa.

2.2 Definisi Percampuran dan Penukaran Kod

Menurut Gumperz, J. J. (1982), dalam Wong Khok Seng (1991), penukaran kod ditakrifkan sebagai penyelitan dua sistem atau subsistem kenahuan yang berbeza ke dalam sesuatu ujaran yang sama.

Nik Safiah Karim (1988), menjelaskan bahawa percampuran kod sebagai satu keadaan di mana penutur mencampurkan dua atau lebih bahasa atau ragam bahasa dalam sesuatu situasi penggunaan bahasa atau dialek.

Poplack (1988) dan Scotton (1988) telah melihat penukaran kod sebagai tidak lebih daripada suatu fenomena perlakuan bahasa yang merangkumi penggunaan dua atau lebih ragam bahasa. Menurut mereka penukaran kod ini boleh berlaku dalam dua bentuk sama ada *intrasentential* (dalam ayat) atau *intersentential* (antara ayat):

“Switching here maybe either intra or intersentential and often involves stretches of more than one word.”

(Scotton, 1988)

Poplack (1988) menjelaskan bahawa percampuran kod biasanya berlaku di satu titik dalam satu ayat. Titik percampuran kod berada dalam lingkungan struktur permukaan dua bahasa yang dipadankan bersama. Sebagai contohnya apabila seorang yang sedang bercakap dalam bahasa Melayu standard memasukkan unsur-unsur bahasa Inggeris dalam pertuturan tanpa sebarang gangguan atau halangan dalam pertuturannya. Ini kerana penutur beranggapan bahawa pendengar juga sepertinya, yakni faham dan fasih dalam kedua-dua bahasa tersebut.

Poplack (1980), juga telah menentukan dua limitasi tatabahasa yang berkaitan dengan penukaran kod. Pertamanya ialah limitasi morfem bebas yang menyifatkan penukaran kod antara satu bentuk leksikal dengan satu sempadan morfem lain kecuali kod sebelumnya telah dimasukkan secara fonologi dalam bahasa terakhir. Limitasi kedua ialah sekatan persamaan yang membenarkan pertukaran sebelum dan selepas pada titik urutan perkataan dalam kedua-dua bahasa untuk memastikan penukaran kod dapat diwujudkan, selepas itu, kedua-dua bahasa itu senang dicampurkan.

Scotton dan Ury (1977), memberi satu penjelasan yang agak lengkap iaitu penukaran kod merupakan keadaan di mana penggunaan dua atau lebih ragam linguistik dalam

perbualan yang sama. Penukaran ini mungkin melibatkan satu patah perkataan atau lebih daripada itu. Ragam ini mungkin boleh terdiri daripada dua bahasa yang tidak mempunyai perhubungan secara genetik sehinggalah sampai kepada dua gaya bahasa yang sama.

Pertukaran bahasa berbeza daripada penggabungan bahasa. Menurut Hamers dan Blanc (1989), penggabungan kod merupakan strategi komunikasi yang digunakan oleh pengguna bahasa yang menukarkan elemen atau peraturan daripada bahasa lain kepada bahasa mereka sendiri. Elemen-elemen yang telah ditukar biasanya dalam bentuk fungsi perkataan, artikel dan elemen-elemen bahasa yang lain (Hottman, 1991). Beliau menjelaskan perbezaan antara pertukaran kod dan penggabungan kod di mana penggabungan bahasa mengambil tempat di dalam ayat dan selalunya melibatkan item yang tunggal berbanding pertukaran bahasa yang melibatkan frasa dan ayat. Selain daripada penerangan di atas, perbezaan antara meminjam, penggabungan atau pertukaran kod adalah dalam bentuk tulisan. Bagi peminjaman memandangkan perkataan yang dipinjam sudahpun diterima dalam bahasa tempatan perkataan tersebut akan ditulis seperti biasa. Manakala bagi penggabungan dan penukaran kod, memandangkan ia masih mengikut aspek bahasa yang dipinjam, akan ditulis dalam tulisan berbentuk *italic*.

Hymes (1972) dalam Ayeomoni (2006), mentakrifkan bahawa penukaran kod adalah terma am yang digunakan bagi perbualan dalam bahasa lain selain dari bahasa ibunda. Penukaran kod juga membantu untuk mengenal pasti perbezaan kepelbagaian dalam sesuatu bahasa serta mengenali perbezaan gaya perbualan. Bokamba (1988), dalam Ayeomoni (2006), mengatakan bahawa penukaran kod adalah kombinasi perkataan,

frasa dan ayat daripada dua sistem tatabahasa yang berlainan yang merentasi limitasi ayat dalam konteks perbualan yang sama.

Menurut Bacigalupi (1997), penukaran kod merupakan penyebaran sesuatu kod daripada satu mod komunikasi kepada mod komunikasi yang lain dalam perbualan yang sama. Dalam kajian beliau, beliau menjelaskan bahawa penukaran kod tidak akan merosakan peraturan atau larangan sesuatu bahasa. Di samping penukaran kod digunakan untuk menjelaskan maksud perkataan yang tidak diketahui, ia juga menjadi alat dwibahasa yang memudahkan perbualan. Bacigalupi (1997), juga melihat penukaran kod bukan sahaja melibatkan pertukaran bahasa secara lisan, malah ia juga melibatkan fizikal seperti pergerakan tangan, air muka dan gaya badan untuk menjelaskan maksud perkataan yang tidak ketahu.

Mamat Anak Unggat (2004) menyatakan bahawa penukaran kod bukanlah suatu fenomena bahasa yang berlaku secara rambang atau merupakan tingkah laku bahasa yang aneh. Beliau menegaskan bahawa penukaran kod merupakan fenomena linguistik. Dalam konteks masyarakat yang bersifat dwibahasa atau berbilang bahasa, ternyata penukaran kod digunakan sebagai suatu strategi komunikasi.

Menurut Valdes-Fallis (1978), penukaran kod boleh didefinisikan sebagai penggunaan dua bahasa secara berselang-seli. Ini terjadi pada peringkat kata, frasa, klausa atau ayat. Pada umumnya, alternasi yang dimaksudkan di sini berbeza daripada yang disebut sebagai gangguan kerana lazimnya terdapat suatu pemisahan yang jelas antara sistem fonemik. Menurut beliau, yang pentingnya ialah item-item yang diperkenalkan oleh penutur dwibahasa itu tidak memungkinkan asimilasi yang sepenuhnya.

Nunan dan Carter (2001) dalam Sert (2005), mentakrifkan penukaran kod sebagai satu fenomena penukaran dari satu bahasa kepada bahasa lain dalam perbualan yang sama. Menurut beliau, perbualan di antara pelajar dan guru membantu mewujudkan penggunaan bahasa dalam pembelajaran dan pengajaran dalam kelas. Bahasa yang terlibat dalam penukaran kod adalah bahasa natif pelajar dan bahasa asing yang diperlukan oleh pelajar untuk mahir.

Bentahila dan Davies (1983), mendapati bahawa penukaran kod ialah sumber yang sangat berguna dalam interaksi dwibahasa seseorang. Ia juga memberi fungsi poetik, estetik dan retorik dalam percakapan panjang yang bukan spontan tetapi kata-kata yang dituturkan telah disusun dalam bentuk frasa yang sesuai.

Duran (1994), pula mengatakan penukaran kod adalah *“another non-normative or ‘quaint’ linguistic behavior of bilinguals or developing bilinguals”*. Selain itu, penukaran kod juga mempunyai hubungan rapat dengan pemindahan dan peminjaman bahasa.

Asmah Hj. Omar (1985), berpandangan bahawa penukaran kod adalah suatu keadaan yang normal dalam masyarakat bilingual atau multilingual. Ia akan menyebabkan pertukaran dari satu kod kepada satu kod yang lain dalam perbualan seseorang penutur. Beliau menjelaskan penukaran kod sebagai penggunaan dua bahasa atau lebih secara berselang-seli baik pada peringkat fonologi, leksikal, semantik mahupun tatabahasa.

2.3 Perbezaan Antara Percampuran Kod dan Penukaran Kod

Dalam kajian Mohammad Ghazali (1998), didapati bahawa penukaran kod dan percampuran kod adalah entiti yang berasingan. Perkara ini diketahui apabila beliau menyiasat gaya dwibahasa mahasiswa Singapura yang fasih dalam bahasa Melayu di Universiti Malaya. Data yang dikumpul adalah berdasarkan penggambaran video secara spontan yang membantu beliau menganalisis aspek sintaksis dan morfologi dalam penukaran kod. Kajian beliau menunjukkan bahawa responden dwibahasa seimbang dalam kedua-dua bahasa dan mempunyai kecenderungan untuk percampuran kod berbanding dengan penukaran kod.

Selain itu, menurut Ghazali, penutur cenderung kepada percampuran kod apabila meluahkan subjek atau objek ayat. Beliau mendapati penutur lebih suka menggunakan bahasa Inggeris pada predikat dalam sesuatu ayat. Tambahan pula, pada tahap morfologi, pengkaji telah mengenal pasti bahawa seseorang akan menggunakan perkataan 'I' secara meluas apabila bercakap dalam bahasa Melayu. Manakala, penggunaan perkataan bahasa Melayu 'dia' yang digunakan oleh penutur untuk mengabaikan perbezaan jantina seperti 'he' dan 'she' dalam bahasa Inggeris. Seterusnya, Ghazali mengatakan bahawa penggunaan perkataan 'lah' dan 'kan' telah mencemarkan pertuturan bahasa Inggeris. Penggunaan perkataan 'lah' lebih kepada kemesraan dan 'kan' pula digunakan untuk pertanyaan persetujuan antara penutur.

Menurut Kang (2001), terdapat perbezaan di antara percampuran kod dengan penukaran kod. Pertembungan lebih daripada dua kod linguistik mengakibatkan berlakunya percampuran kod. Dalam pertembungan ini bahasa natif berfungsi sebagai penyerap dan menyerap semua unsur bahasa yang dipinjam daripada bahasa lain serta

menatiskan unsur-unsur tersebut. Beliau berpendapat kod-kod yang telah diserap tadi mestilah wujud dalam satu klausa atau ayat yang sama dalam sesuatu ujaran. Beliau juga memberi pandangan bahawa pengalihan kod juga mengalami proses yang sama dengan percampuran kod. Tetapi yang membezakannya ialah pengalihan kod melibatkan pertukaran kod pada peringkat ayat yang lengkap di mana keseluruhan pertuturan digantikan dengan kod yang baru.

Menurut Thelander (1976), dalam artikelnya '*Code-Switching or Code-Mixing*', beliau telah membezakan antara percampuran kod dan penukaran kod. Beliau mengatakan bahawa penukaran kod melibatkan pertukaran bahasa antara klausa, manakala percampuran kod ialah sebarang pertukaran bahasa yang berlaku dalam sesuatu klausa yang sama.

Bokamba (1988), juga telah menghuraikan perbezaan di antara percampuran kod dan penukaran kod. Menurut beliau, percampuran kod adalah istilah yang sesuai dalam merujuk kepada alternasi dalam sesebuah ayat, manakala penukaran kod pula sesuai dirujuk kepada alternasi pada peringkat yang melampaui batas ayat.

2.4 Gaya Percampuran dan Penukaran Kod

Malik (1994), menerangkan bahawa penukaran kod merupakan sebahagian daripada fenomena *repertoire* dwibahasa. Selalunya, perkataan Inggeris diinterpolasikan dengan *vernakular* untuk alasan yang berbeza termasuk komunikasi efektif bagi tujuan tertentu sama ada ia betul dari segi akhlak atau moral dan kemampuan *repertoire*. Menurut beliau lagi penukaran kod sangat digalakkan bagi mengisi jeda perbualan

penutur. Ia melibatkan jenis gaya utama seperti yang dicadangkan oleh Poplack, (1980).

Poplack telah mengenal pasti tiga jenis variasi dalam gaya penukaran kod, iaitu variasi *intrasentential*, *intersentential* dan penukaran tag (Poplack, 1980). Tambahan pula beliau mengatakan tiga jenis penukaran kod ini berlaku dalam bahagian yang berbeza dengan bergantung kepada tahap kemahiran penutur yang berbeza. Ini menjadi asas kepada gaya penukaran kod. Poplack juga memberi pendapat tentang penukaran '*smooth and flag*' (Poplack, 1988). Penukaran '*smooth*' dikatakan sebagai penukaran kod yang lebih berkemahiran dan fasih. Dalam penukaran ini, penutur sentiasa bergerak dari satu kod bahasa kepada satu kod bahasa lain tanpa sebarang keraguan dalam sesuatu perbualan.

Menurut Poplack, komuniti dwibahasa Puerto Rican di New York terlibat dalam penukaran kod Inggeris-Finnish seperti penukaran kod '*smooth*'. Penukaran kod '*flag*' pula bertentangan dengan penukaran kod '*smooth*'. Ia tidak licin dalam peralihan bahasa semasa perbualan. Sebagai contohnya ialah dwibahasa Inggeris-French dalam Ottawa Hulb (Poplack, Wheeler and Westwood, 1987). Dalam kajian ini, Poplack menerangkan tentang penukaran kod yang benar atau dipanggil sebagai penukaran kod '*smooth intra-sentential*'.

Menurut Jacobson (2001), bahasa Melayu merupakan bahasa perantaraan di Malaysia yang membenarkan beberapa elemen Inggeris diselitkan dalamnya. Proses penyelitan ini iaitu penukaran kod terlibat dalam beberapa elemen seperti penyelitan item leksikal tunggal, penyelitan unit tatabahasa spesifik seperti frasa, klausa dan ayat serta

kumpulan kata secara rawak. Beliau mengatakan bahawa terdapat dua penggiliran yang melibatkan penukaran kod iaitu penukaran kod '*intra-sentential*' di mana penggiliran akan berlaku dalam lingkungan satu ayat dan keduanya ialah penukaran kod '*inter-sentential*' di mana penggiliran berlaku di antara ayat-ayat.

Chidambaram. K (2006), juga memberi pendapat yang sama dengan Jacobson (2001), di mana beliau juga mengklasifikasi dua jenis penukaran kod, '*inter-sentential*' dan '*intra-sentential*'. Menurut beliau, penukaran kod '*intra-sentential*' selalunya berlaku pada satu ayat, satu klausa atau satu perkataan di mana tidak ada sebarang perubahan pada tajuk, penutur, dan penyediaan perbualan. Beliau menyatakan bahawa penukaran kod jenis ini berkait rapat dengan percampuran kod yang melibatkan proses penyelitan kata nama, kata kerja, klausa dan penyelitan ayat. Manakala, penukaran kod '*inter-sentential*' berlaku di antara ayat-ayat yang berlainan.

Ahli-ahli linguistik lain menekankan penukaran kod dari segi titik kejadian, kecekapan, pilihan bahasa, pendapat yang bercanggah, penukaran hala tuju, tindakan perbualan atau sintaksis. Gingras (1974), dalam kajiannya memberitahu bahawa penukaran kod wujud pada mana-mana titik dalam klausa utama di antara penukaran bahasa Inggeris-Spanyol. Pada pendapat beliau, penukaran sebegini adalah betul dari segi tatabahasa mengikut tahap bahasa pertama dan bahasa kedua.

2.5 Fungsi Percampuran dan Penukaran Kod

Dalam artikel '*Bilingual Strategies: The Social Function of Code Switching*,' ahli-ahli sosiolinguistik seperti Scotton dan Ury (1977), telah membincangkan mengenai peranan atau fungsi penukaran kod dalam masyarakat dwibahasa berdasarkan interaksi

sosial antara satu sama lain dalam masyarakat itu sendiri. Mereka telah mengenal pasti tiga fungsi sosial iaitu dari segi identiti, kuasa dan pelaksanaan semasa seseorang bilingual berinteraksi dalam kelompok masing-masing. Mereka menyimpulkan bahawa peranan penukaran kod adalah untuk mewujudkan satu reaksi berinteraksi yang berterusan daripada satu keadaan sosial kepada keadaan seterusnya. Dengan kata lain, peranan penukaran kod diterangkan sebagai satu tindak balas sesebuah komuniti *bilingual* bagi meneruskan suatu interaksi dalam sesuatu arena sosial.

Avarez-Caccamo (1990), dalam kajiannya mengemukakan beberapa sebab berlakunya penukaran kod dalam kalangan penutur pelbagai bahasa iaitu :-

1. Untuk menggambarkan susunan sosial, khususnya susunan pengkelasan
2. Untuk mengubah perhubungan antara etnik
3. Untuk mengenal pasti keahlian kumpulan, khususnya mengenali orang tempatan, jantina dan yang berkaitan dengan kepimpinan
4. Untuk mendedahkan status sosial penutur
5. Untuk membina gaya '*socio-functional*', kehidupan dalam kalangan masyarakat kepelbagaian bahasa
6. Untuk menunjukkan identiti sosial dalam perbualan secara rasmi dan tidak rasmi

Gumperz (1977), dalam kajiannya '*The sociolinguistic Significance of Conventional Code Switching*', telah mengkaji penukaran kod yang wujud dalam dwibahasa seperti bahasa Slovenian – German, bahasa Spanyol – Inggeris dan bahasa Hindi – Inggeris. Beliau telah mengklasifikasikan kajian penukaran kod berdasarkan fungsi perbualan

masyarakat tertentu. Menurut beliau terdapat tujuh fungsi yang dikenal pasti dalam berlakunya fenomena penukaran kod ini iaitu:-

1. Sebagai satu cara untuk menyampaikan maklumat atau mesej kepada seseorang yang sedang berinteraksi dengan penutur.
2. Sebagai satu laporan atau petikan langsung kepada sesuatu perbualan yang sedang berlangsung.
3. Sebagai suatu pengulangan sesuatu mesej dalam struktur bahasa yang telah diubahsuaikan ke dalam sistem nahu yang diingini.
4. Sebagai satu tanda seruan dalam sesuatu perbualan.
5. Sebagai kecekapan kepada sesuatu pesanan, umpamanya untuk menghadkan konstruksi sesuatu ayat atau kata kerja komplemen atau satu kopula yang diikuti oleh predikat tertentu.
6. Sebagai penghubungkaitkan perbezaan yang terdapat dalam kata-kata tertentu yang digunakan untuk mengatakan sesuatu perkara.
7. Sebagai satu cara untuk menunjukkan taraf atau darjat penglibatan seseorang penutur atau keberkesanan sesuatu mesej atau pernyataan penutur yang dapat mencerminkan pendapat atau pengetahuan seseorang penutur itu terhadap apa yang diperbualkan.

Robert J. Di Pietro (1977), dalam kajian Kang (2001), berpendapat bahawa penukaran kod ini berperanan sebagai satu strategi komunikasi. Menurutnya, percampuran bahasa yang wujud dalam kalangan masyarakat dwibahasa berperanan sebagai strategi lisan semasa berinteraksi antara satu sama lain. Beliau juga mengatakan bahawa keadaan ini boleh berlaku tanpa disedari oleh penuturnya dalam perbualan seharian mereka. Dalam keadaan ini, hasrat penutur adalah hanya untuk mencapai satu

matlamat atau kesan tertentu semasa berkomunikasi dengan orang lain dan tidak begitu mementingkan bahasa atau struktur bahasa yang sedang digunakannya.

Menurut Huerta-Macias dan Ouentero (1992), penukaran kod wujud bagi tujuan penghuraian, penekanan, penentuan penerima dan penjelasan menjurus kepada komunikasi yang cekap. Dalam kajiannya beliau menerangkan sebab-sebab mengaplikasikan penukaran kod:-

1. Penghuraian wujud apabila maklumat tambahan mengenai sesuatu tajuk ditambahkan dalam bahasa lain.
2. Penekanan wujud apabila guru menekankan sesuatu butiran dalam bahasa lain. Penukaran ini juga disebut pada intonasi yang lebih tinggi bagi menunjukkan perkataan atau ujaran yang disebut adalah penting.
3. Pengkhususan penerima pula berlaku apabila guru mencampurkan bahasanya dalam perbualan terhadap pendengar lain.
4. Penjelasan berlaku semasa guru mengalihkan bahasa kepada bahasa asal apabila beliau mengulangi perkataan yang disebut dalam bahasa Inggeris.

Gan (2000), telah menjalankan satu kajian kes untuk mengetahui strategi penukaran kod dalam kalangan guru-guru cina berpendidikan cina dan bukan berpendidikan cina. Dalam kajiannya, beliau dapat mengenal pasti bagaimana faktor sosio-budaya dan fungsi penukaran kod wacana mempengaruhi penutur menggunakan penukaran kod sebagai satu strategi komunikasi untuk menyampaikan mesejnya semasa berkomunikasi.

Gan telah menggabungkan kajian penyelidikan-penyelik lain dan mendapati sebanyak 13 fungsi penukaran kod yang seterusnya digunakan dalam kajiannya. Fungsi-fungsi tersebut ialah seperti berikut:

1. *Quotation* (Petikan)
2. *Addressee Specification* (Spesifikasi Pesapa)
3. *Repetition* (Pengulangan)
4. *Personalization Versus Objectivization* (Keperibadian Lawan Keobjektifan)
5. Ungkapan yang berkaitan dengan waktu
6. Ungkapan yang berkaitan dengan kata bilangan
7. *Inquiry Versus Giving Information* (Pertanyaan Lawan Pemberian Informasi)
8. *Expression of Politeness* (Ungkapan Lemah Lembut)
9. *Facility of Expression* (Ungkapan Kemudahan)
10. *Change of Topic* (Pertukaran Tajuk)
11. *Flagging of Attitudes* (Sikap Menghormati)
12. *Register Identification* (Pengenalan Daftar)
13. Penggunaan Kata Akronim

Daripada tiga belas fungsi ini, beliau mendapati kebanyakan informan dalam data menggunakan fungsi “*Register Identification*”. Fungsi penukaran kod yang kedua banyak digunakan ialah fungsi “*Repetition*” dan diikuti oleh fungsi ‘*Change of Topic*’ dalam bahasa Inggeris. Daripada kajiannya, beliau mendapati bahawa fungsi penukaran kod yang paling kurang ditemui ialah fungsi ‘*Expression of Politeness*’.

Menurut Tay (1989), dalam Haesook Han Chung (2006), penukaran kod ialah alat komunikasi yang membantu untuk menggambarkan kesan komunikasi. Beliau juga menyatakan bahawa penukaran kod adalah satu strategik komunikasi yang menyimpulkan identiti sesebuah kumpulan dan mengeratkan hubungan antara satu sama lain dalam perbualan seharian dalam kalangan masyarakat pelbagai bahasa.

Menurut Kachru (1983), dalam Zainab Mokhtar (2004), perlakuan penukaran kod berfungsi sebagai pengenalan peranan apabila ia digunakan untuk menyampaikan maklumat sosial mengenai penutur misalannya supaya lebih dikenali dan dihormati.

Kajian penukaran kod selalu dihadkan dalam perbualan komuniti dwibahasa. Ada yang berpendapat bahawa penukaran kod adalah suatu peraturan yang digunakan oleh penutur dan selalu berfungsi dalam sesebuah identiti kumpulan (Jacobson, 1977 dan Myers Scotton, 1993). Kajian menunjukkan penggunaan penukaran kod dalam percakapan panjang merupakan satu fenomena yang biasa.

Trudgill (2000), dalam kajian Sert (2005), menjelaskan bahawa masyarakat melakukan penukaran atau percampuran kod untuk memanipulasikan sesuatu keadaan mengikut kehendak mereka dan juga bagi menyampaikan maksud penutur dan tujuan peribadi. Dalam perkataan lain, penukaran kod merupakan penjelasan sendiri dan suatu mod untuk mengubah bahasa untuk tujuan sendiri penutur.

Zaiton Ismail (2004) telah mengkaji penukaran kod dalam kalangan pensyarah institut pengajian tinggi tempatan. Menurut beliau, golongan yang lebih kerap menukar kod ialah golongan pensyarah lelaki berbanding dengan golongan pensyarah wanita.

Beliau juga mengkaji fungsi-fungsi penukaran kod dalam kalangan pensyarah. Beliau membahagikan fungsi penukaran kod ini kepada dua kategori iaitu tujuan sosial dan tujuan akademik. Terdapat lapan fungsi untuk tujuan sosial dan sepuluh fungsi untuk tujuan akademik. Kedua-dua tujuan dan fungsi tersebut membantu untuk mendirikan hubungan yang rapat di antara ahli komuniti dwibahasa. Ia membawakan perpaduan di antara masyarakat yang berkongsi identiti budaya. Berikut ialah fungsi-fungsi penukaran kod yang didapati oleh Zaiton:-

Tujuan sosial:

1. Memberi arahan atau peringatan
2. Menggalakkan respon pelajar
3. Menunjukkan semangat setiakawan
4. Menegur pelajar
5. Menegaskan autoriti guru
6. Memberi pujian atau galakan
7. Menyatakan perkara-perkara umum, dan
8. Penggunaan ganti nama

Tujuan Akademik:

1. Mewujudkan kedwibahasaan akademik
2. Menandakan anjakan pedagogi
3. Mengaitkan isi kandungan pelajaran dengan pengetahuan dunia sebenar pelajar
4. Menandakan tajuk atau idea baru
5. Sebagai penanda wacana
6. Penggunaan istilah teknikal
7. Menghuraikan fakta sedia ada yang dipersembahkan

8. Menghurai makna teks bertulis
9. Merumus isi penting pelajaran, dan
10. Sebagai penanda perkara penting

Menurut Annamalai (1978) yang telah mengkaji penggunaan bahasa Tamil yang bercampuran bahasa Inggeris mendapati objektif penukaran kod adalah untuk mengekalkan identiti sosial dan negara. Panggilan '*Brother In Law*' dalam bahasa Inggeris lebih digemari berbanding panggilan Tamil "macca:n" dan juga panggilan Inggeris "wife" lebih digemari daripada panggilan "manaivi" atau "ponta:tti" dalam bahasa Tamil.

Perspektif kelakuan bagi sesuatu bahasa adalah sangat penting bagi menjaga atau mempertahankan bahasa ibunda. Mohanlal (1986), membincangkan percampuran kod dan penyerapan bahasa dalam bahasa Tamil yang dituturkan oleh Mudaliar dan Iyengar di Bangalor India Selatan. Di Bangalor, bahasa rasmi adalah bahasa Kannada. Walaupun begitu bahasa Tamil masih dipertahankan oleh komuniti Mudaliyar dan Iyengar sebagai bahasa ibunda. Komuniti Mudaliyar didapati berusaha untuk menguasai bahasa Tamil dengan sepenuh jiwa dan raga. Ini menunjukkan sikap positif mereka terhadap bahasa Tamil. Namun demikian, komuniti Iyengar tidak pula menolak sama sekali bahasa Kannada. Akibatnya, bahasa Tamil telah menerima masuk banyak unsur-unsur bahasa Kannada (Mohanlal, 1986). Kewujudan percampuran kod dan penyerapan bahasa disebabkan oleh kerenggangan perhubungan antara tempat asal mereka dengan tempat yang telah mereka migrasi. Komuniti Iyengar mempunyai hubungan yang kurang atau langsung tidak ada hubungan dengan Tamil Nadu

berbanding dengan komuniti Mudaliyar yang masih mempertahankan hubungan silaturahim dengan Tamil Nadu (Mohanlal, 1986).

2.6 Faktor-Faktor Percampuran dan Penukaran Kod

Wanpen Thatawakorn (1981), dalam kajiannya terhadap kaum wanita berketurunan Yao, di Thailand, menekankan bahawa topik perbualan adalah satu faktor penting berlakunya fenomena penukaran kod. Beliau telah menentukan tiga hipotesis tertentu dalam menjalankan kajiannya:-

1. Bahasa Yao digunakan untuk topik-topik ringan sahaja.
2. Bahasa Thai digunakan dalam perbincangan mengenai akademik, kebudayaan Thai dan hal-hal berkaitan dengan keintelektualan.
3. Dalam perbincangan mengenai kebudayaan, cara hidup dan hal-hal berkaitan ahli-ahli keluarga Yao, hanya bahasa Yao digunakan.

Dalam kajiannya beliau memilih subjek kajian seramai tujuh orang wanita keturunan Yao iaitu penuntut dari Maktab Perguruan Jankasem Bangkok. Subjek kajiannya diminta berbual sesama mereka mengenai apa-apa sahaja setiap kali mereka bertemu. Setelah menganalisa kajiannya, beliau mendapati bahawa hipotesis yang digunakannya memang betul.

Kang (2001), pula menyatakan bahawa apabila responden mengetahui bahawa perbualan mereka sedang dirakamkan perbualan mereka akan menjadi kurang natural dan ini boleh menjejaskan dapatan kajian. Beliau juga mengatakan bahawa kesahihan keputusan kajian Wanpen Thatawakorn (1981) masih boleh dipersoalkan. Ini kerana pengkajinya tidak menyatakan sama ada fenomena penukaran kod hanya berlaku dalam

kalangan semua penutur atau segelintir sahaja daripada subjek kajiannya apabila membincangkan sesuatu topik.

Kang (2001), telah menjalankan kajian mengenai perlakuan berbahasa dalam kalangan komuniti Cina Peranakan di Tanah Merah, Kelantan. Beliau memberi tumpuan kepada percampuran penukaran kod. Dalam kajiannya, beliau melihat sejauh mana angkubah sosial seperti jantina, umur dan pendidikan memberikan kesan secara langsung kepada perlakuan bahasa komuniti Cina Peranakan. Beliau juga memberi tumpuan kepada aspek pemilihan bahasa komuniti ini semasa berlaku percampuran dan penukaran kod. Beliau mendapati angkubah sosial seperti jantina, umur dan pendidikan hanya berperanan sebagai penentu jenis bahasa yang digunakan dalam percampuran dan penukaran kod yang wujud dalam perlakuan bahasa dalam kalangan komuniti Cina Peranakan Kelantan. Daripada hasil kajiannya, beliau mendapati bahawa fenomena percampuran kod bahasa Inggeris nyata sekali dalam kalangan penutur yang menerima taraf pendidikan yang lebih tinggi.

Hasil kajian beliau juga menunjukkan bahawa kaum wanita yang dapat menguasai bahasa Mandarin lebih cenderung melakukan pengalihan kod dengan menggunakan bahasa Mandarin. Situasi ini boleh dilihat dalam kajian Trudgill (1974), yang mengatakan bahawa kaum wanita lebih cenderung menggunakan bahasa standard atau bentuk bahasa prestij tinggi dalam pertuturan mereka. Kang (2001) dalam kajiannya mendapati kaum wanita yang berpendidikan cuba meminimumkan penggunaan bahasa Melayu Kelantan dengan menggantikannya dengan bahasa Mandarin, bahasa Inggeris ataupun bahasa Hokkien tulen. Fenomena pemilihan bahasa yang dianggap sebagai bahasa berprestij boleh dianggap sebagai fenomena sejagat.

Satu lagi hasil kajian yang memaparkan persoalan faktor berlakunya penukaran kod telah dijalankan oleh Farid M. Onn, Ajib Che Kob dan Ramli Salleh (1987), yang melibatkan komuniti Melayu di Kampung Asun Kunluang yang terletak di Kubang Pasu, Kedah. Menurut mereka, masyarakat Melayu Kampung Asun menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Sam-Sam Siam dalam perbualan seharian mereka. Pengkaji-pengkaji mendapati beberapa variabel seperti umur, jantina, pendidikan, status dalam keluarga dan masyarakat, latar belakang serta fungsi interaksi menentukan penggunaan kedua-dua bahasa Melayu dan bahasa Sam-Sam Siam dalam kalangan komuniti tersebut. Kajian tersebut menunjukkan bahawa golongan yang berumur enam puluh tahun ke atas lebih cenderung berbahasa Sam-Sam Siam berbanding golongan muda yang lebih suka bertutur dalam bahasa Melayu.

Dalam kajian Mamat Anak Unggat (2004), beliau mendapati penukaran kod banyak dipengaruhi oleh faktor kesukaran mencari perkataan yang sesuai, pengalaman sosial penutur yang hidup dalam masyarakat pelbagai bahasa dan kesan proses multilingualisme yang dialami. Beliau juga mendapati faktor-faktor lain seperti topik, tujuan peserta, keakraban perhubungan, kesan serta norma masyarakat juga mendorong ke arah penukaran kod.

Aspek sosio-budaya juga ditekankan dalam kajian Gan (2000), bahawa faktor sosio-budaya memainkan peranan penting dalam mempengaruhi penukaran kod. Antara faktor-faktor yang beliau mengenal pasti dalam kajiannya ialah topik, pendidikan, persekitaran tempat kerja, perhubungan peranan lawan-sapa, domain dan kelas sosial.

Poplack (1988), dalam kajiannya juga merumuskan bahawa penukaran kod penutur menyampaikan mesej atau meluahkan perasaan melalui ungkapan yang lebih pendek, dan ringkas. Menurut beliau penukaran kod juga boleh berlaku apabila penutur tidak dapat mencari persamaan leksikal lain yang sesuai dalam bahasa asalnya.

Pelbagai kajian telah dilakukan terhadap komuniti berbilang bahasa untuk mendapatkan maklumat penukaran kod. Sebagai contohnya, Rubin (1962, 1969b), telah membuat kajian di Paraguay dan mendapati bahawa penggunaan bahasa Guarami atau Spanish dipengaruhi oleh lokasi, keseriusan dalam kepanjangan pertuturan, darjah formality dan kerapatan. Dalam kajian itu juga didapati bahasa pertama yang dipelajari dan kod yang disukai menjadi pilihan utama bagi seseorang penutur.

Kajian percampuran kod dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran sains di Malaysia telah dibuat oleh Kumar (2008). Menurut beliau penggunaan percampuran kod yang digunakan sewaktu pengajaran dan pembelajaran semakin meningkat mengikut tahap pemahaman pelajar semasa berlaku interaksi antara guru dan pelajar semasa bertutur dalam kelas. Beliau juga menyimpulkan fenomena percampuran kod merupakan perkara yang tidak boleh dielakkan dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran sains.

Sakthivel. S (1984), mengatakan bahawa hubungan antara bahasa adalah satu fenomena yang tidak boleh dielakkan. Menurut beliau, setiap bahasa di dunia ini mempunyai istilah-istilah yang telah dipinjam dari bahasa lain. Keadaan ini berlaku apabila tidak terdapat sesuatu kata atau istilah dalam bahasa penutur untuk

menjelaskan sesuatu yang baru. Dengan itu, istilah dari bahasa lain dipinjamkan untuk menerangkan sesuatu barangan atau konsep baru.

Zaiton Ismail (2004) dalam kajiannya mendapati beberapa faktor yang mendorong golongan pensyarah menukar kod dalam bilik kuliah. Faktor-faktor tersebut dikategorikan kepada lima jenis iaitu hubungan dan peranan antara peserta, topik latar atau *setting*, niat atau tujuan menukar kod, sikap terhadap penukaran kod dalam bilik kuliah dan bidang khusus dalam pendidikan. Beliau menyatakan bahawa situasi pembelajaran mengkehendaki guru menggunakan bahasa rasmi semasa pengajaran dan pembelajaran, tetapi keperluan guru untuk mewujudkan hubungan baik dengan pelajar mendorong mereka menggunakan bahasa tidak rasmi.

Maniyarasan (2007), dalam kajiannya 'kata pinjaman bahasa Melayu dalam bahasa Tamil di Malaysia, menerangkan faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya penukaran atau peminjaman kod dalam kalangan orang India di Malaysia. Beliau mendapati antara faktor peminjaman perkataan bahasa Melayu ke dalam bahasa Tamil di Malaysia ialah peranan bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan dan bahasa Lingua Franca di Asia tenggara. Menurutnya, masyarakat India di negara ini terpaksa menggunakan bahasa Melayu pada setiap masa dan di setiap tempat. Mereka terpaksa berhubung dengan menggunakan bahasa Melayu di tempat-tempat awam seperti pasar, bank, pejabat kerajaan dan sebagainya.

Beliau juga menerangkan bahawa fenomena peminjaman bahasa Melayu ke dalam bahasa Tamil juga berlaku disebabkan oleh perkembangan media massa yang begitu pesat di negara ini. Kesemua media massa ini mempengaruhi minda masyarakat India

terutamanya golongan muda untuk menggunakan bahasa Melayu dengan sepenuhnya. Hampir kesemua saluran media massa di negara ini menggunakan bahasa Melayu. Beliau juga memberitahu satu lagi faktor penting yang menyebabkan berlakunya peminjaman bahasa Melayu ke dalam bahasa Tamil ialah sikap kurang prihatin orang India terhadap bahasa Tamil.

Pengkajian Barrios, et. al. (1977), menunjukkan bahawa kekerapan pertukaran kod dan penggabungan kod antara bahasa Tagalog dan bahasa Inggeris dalam kalangan masyarakat Filipina yang berdwibahasa bergantung pada faktor-faktor kawasan dan topik. Penggabungan ini dikenali sebagai “mix-mix”. Ramos (1979) dalam kajian yang dijalankan mendapati identiti pertukaran kod boleh ditentukan daripada segmen dalam sebuah ayat yang bertukar kod di antara Tagalog dan bahasa Inggeris. Seandainya ayat yang digunakan adalah berstruktur Inggeris, beliau mengenal pasti ayat sebagai “Engalog” dan sekiranya ia berstruktur seperti Tagalog, beliau menamakannya struktur sedemikian “Taglish”.

Blom and Gumperz (1972), dalam kajian mengenai penukaran kod di Norway mendapati pengekalan penggunaan bahasa yang tepat bergantung kepada maksud sosial yang dikaitkan dengan bentuk percakapan alternatif yang digunakan dalam pelbagai jenis hubungan sosial. Kewujudan situasi penggunaan pelbagai bahasa di Hawaii disebabkan oleh kemasukkan pekerja asing Cina dan Jepun pada peringkat awal dan diikuti pekerja asing dari Korea, Puerto Rico dan juga Filipina secara besar-besaran.. Ini menjadikan Hawaii sebagai lokasi yang strategik untuk menjalankan kajian oleh St.Clair dan Mural (1974) dalam bidang penukaran kod di Crede, Hawaii. Mereka mengatakan bahawa dalam situasi penggunaan bahasa di mana banyak kod

bahasa digunakan, pengguna bahasa akan menghadapi lebih banyak kesukaran dalam menerima arahan teknikal yang jitu berbanding satu kod dengan kod-kod yang lain. Pemilihan kod bahasa tertentu adalah berdasarkan pada situasi untuk mengekalkan status penutur dalam mana-mana kumpulan penutur. Salah satu cara untuk melakukan penukaran kod adalah melalui penggunaan intonasi.

Model Scotton (1993), juga menerangkan tentang penukaran kod. Dengan menggunakan pangkalan data Afrika Timur, model Scotton memfokuskan kepada kesan sosial sebagai faktor yang memotivasikan kepada pemilihan kod. Model ini juga menunjukkan cara penutur menggunakan kod untuk memberitahu sesuatu perkara. Namun demikian, pilihan kod tidak begitu banyak dan tidak dapat berfungsi sebagai penyampai maklumat dalam sesuatu situasi. Pilihan kod begini menjadi cara untuk merundingkan hak dan obligasi. Manakala, pilihan yang berbeza melambangkan keperluan yang berbeza tentang perhubungan dan dalam situasi ini penutur akan memilih kod bertanda atau tidak bertanda untuk berunding keperluan perhubungan mereka (Scotton, 1993). Selain itu, penutur membuat pilihan tidak bertanda untuk mendirikan set hak dan obligasi yang diinginkan. Manakala pilihan bertanda pula digunakan untuk berunding set hak dan kewajipan yang lain.

Gumperz (1982), menggambarkan kepentingan sociolinguistik dalam perbualan penukaran kod. Menurut beliau, penukaran kod adalah fenomena perbualan. Penggunaan metafora dalam kod lain semasa perbualan tidak akan memberi sebarang kesan. Dalam penukaran kod, jurucakap yang bertutur secara spontan selalunya tidak sedar tentang kod mana yang digunakan. Norma sosial atau peraturan yang mengawal kegunaan bahasa berfungsi sebagai peraturan tatabahasa. Gumperz juga berpendapat

bahawa penukaran kod selalu digunakan dalam pertuturan ibunda di rumah dan mengguna bahasa lain yang digunakan oleh majoriti di tempat kerja. Menurut beliau, penukaran kod dikawal oleh tiga halangan iaitu sintetik, pragmatik dan asas halangan universal.

Menurut David (2003), dalam artikelnya, '*Markers Of Ethnic Identity*', yang tertumpu kepada masyarakat Tamil Malaysia, mengakui kewujudan percampuran bahasa di antara masyarakat Tamil tempatan berpunca daripada penggunaan kod yang terlampau banyak. Menurut beliau, golongan Tamil Malaysia masih dalam paras awal untuk pengalihan bahasa (*language shift*) ibunda mereka iaitu bahasa Tamil. Beliau menjelaskan bahawa masyarakat Tamil mula beralih ke suatu bahasa yang baru yang berlainan dengan bahasa Tamil tulen.

Dalam kajian awal David & Naji (2000), pengkaji telah menggambarkan bahawa bahasa Tamil merupakan bahasa dominan bagi responden golongan tua. Manakala lebih daripada dua puluh lima peratus golongan muda pula suka menggunakan bahasa Inggeris, Tamil dan Melayu dalam perbualan mereka. Ini bermakna golongan muda mencampuradukkan ketiga-tiga bahasa dalam perbualan harian mereka. Generasi muda terutamanya golongan wanita dan lelaki lebih cenderung menggunakan bahasa Inggeris berbanding dengan bahasa Tamil dan mereka juga lebih suka bertutur dalam campuran ketiga-tiga bahasa iaitu bahasa Tamil, bahasa Inggeris dan bahasa Melayu.

Kajian yang dilakukan oleh Amutharasi (2006), pula membuktikan bahawa masyarakat India yang tinggal di sebuah pangsapuri menggunakan sekurang-kurangnya dua bahasa semasa berkomunikasi dengan jiran tanpa disedari.

Kajian yang dilakukan oleh Mashudi (1971), pula menjelaskan tentang bahasa pasar dalam kalangan masyarakat India. Dalam kajiannya beliau membincangkan tentang pertembungan tiga etnik terbesar di Malaysia iaitu Melayu, Cina dan India. Beliau telah membuktikan bagaimana bahasa pasar wujud dalam kalangan mereka semasa berkomunikasi.

Marasingan (1983), menerangkan bahawa jika dua kumpulan etnik yang mempunyai bahasa ibunda yang berlainan dan menetap di sesuatu tempat bagi satu jangka masa yang panjang akan mengalami pertembungan bahasa. Perkataan-perkataan daripada kedua-dua bahasa itu akan dicampuradukan bagi tujuan komunikasi yang lebih berkesan.

Dalam kajian Marasingan (1983), beliau cuba menghubungkan tahap penukaran kod yang berlainan mengikut jantina penutur. Beliau membuat perbandingan pemilihan bahasa yang digunakan oleh kaum lelaki dan kaum wanita berikutan dengan fungsi bahasa yang berlainan. Kajian ini dijalankan mengikut rakaman perbualan tidak formal yang dibuat oleh guru lelaki dan guru wanita di Manila. Dalam kajian tersebut, beliau mendapati penutur wanita lebih kerap melakukan penukaran kod dari Bahasa Inggeris ke Bahasa Filipina di tahap perkataan berbanding dengan penutur lelaki. Beliau juga mendapati bahawa kedua-dua kumpulan penutur tersebut suka mengguna percampuran bahasa Tagalog-Inggeris untuk menyampaikan maklumat fakta. Guru atau penutur wanita, mengikut kajiannya, suka menggunakan bahasa Filipina untuk menunjukkan keintelektualan, meluahkan perasaan dan nilai moralnya. Manakala, penutur atau guru lelaki pula menggunakan bahasa Inggeris untuk menunjukkan

keintelektualan dan menggunakan Tagalog-Inggeris dalam meluahkan perasaan dan menonjolkan nilai moral.

Seterusnya, menurut Annamalai (1978), percampuran kod dalam bahasa akan memberi kesan negatif terhadap bahasa. Sementara merujuk kepada fenomena linguistik beliau menekankan bahawa fenomena ini berlaku disebabkan oleh konflik minoriti terhadap linguistik. Keadaan seperti ini akan mengundang kepada percampuran kod dan penukaran kod dalam sesuatu bahasa. Terdapat dua faktor dalam situasi berbilang bahasa yang mengakibatkan berlakunya penukaran kod. Penempatan penduduk merupakan faktor pertama berlakunya penukaran kod. Apabila penutur bahasa minoriti itu tinggal bersama penutur bahasa majoriti yang bilangan kependudukannya begitu besar, sudah tentunya berlaku percampuran kod. Selain itu, bilangan dan kuasa penutur merupakan faktor seterusnya bagi menstabilkan sesuatu bahasa dalam lokasi majoriti berbanding dengan lokasi minoriti. Beliau mengatakan bahawa ancaman sesuatu bahasa hanya akan berlaku dalam kawasan minoriti. Beliau juga percaya bahawa jika minoriti sesuatu bahasa itu didapati masih wujud bagi suatu tempoh masa yang agak lama di sesuatu kawasan, maka ia bukan merupakan ancaman bagi bahasa tersebut.

Lee (1991), juga membezakan penukaran kod daripada percampuran kod apabila membuat kajian gaya perubahan bahasa dalam komuniti Melayu-Cina di Tanah Merah, Kelantan. Lee Guan Choon telah menilai fenomena percampuran dalam bahasa Hokkien yang dituturkan oleh Melayu-Cina. Hasil kajian didapati bahawa bahasa Hokkien telah menjalani proses penyerapan dengan dialek Kelantan. Bagi percampuran kod, beliau mengenal pasti perubahan gaya di antara bahasa Hokkien, bahasa Melayu

Kelantan dan Mandarin. Daripada kajiannya, Lee menyimpulkan bahawa percampuran kod diberi keutamaan di antara Melayu-Cina di Kelantan. Tambahan pula, beliau juga mengenal pasti faktor sosiolinguistik seperti jantina, umur, dan tahap pendidikan yang mempengaruhi fenomena percampuran kod dan penukaran kod.

Gan (2000), dalam kajiannya membincangkan percampuran kod yang sering berlaku dalam teks berita hiburan akhbar Cina di Malaysia. Beliau telah mengkaji kelas-kelas kata bahasa Inggeris dan item leksisnya yang dicampurkan dalam berita hiburan bahasa Cina serta faktor-faktor yang mengakibatkan item-item leksis bahasa Inggeris dicampurkan secara *interlingual* ke dalam berita hiburan akhbar bahasa Cina. Hasil daripada kajiannya, beliau mendapati bahawa akhbar-akhbar bahasa Cina cenderung mencampuradukkan kata-kata bahasa Inggeris dalam berita hiburan kerana ianya membolehkan berita tentang artis, pelakon atau peristiwa dalam bidang hiburan disampaikan secara cepat dan menarik kepada golongan pembaca. Menurutnya, kata-kata akronim bahasa Inggeris seperti 'MV', 'CD', 'VCD' dan 'EQ' dicampurkan ke dalam ayat berita hiburan bertujuan untuk memenuhi kehendak pembaca disamping menjimatkan masa.

Noor Azlina (1975), telah membuat kajian dwibahasa terhadap komuniti Melayu yang sedang belajar di Universiti Hull dan Universiti Lancaster. Kajian beliau tertumpu kepada aspek sosial dalam penukaran kod dalam kalangan penutur Melayu. Selain itu, faktor yang menyebabkan penggunaan bahasa yang berbeza ialah tajuk, penglibatan dan peranan perhubungan. Darjah persahabatan dan kerapatan menjadi punca utama bagi penukaran kod di antara pelajar Universiti-universiti ini. Bahasa Melayu yang digunakan oleh mereka juga kekurangan status '*markers*'. Dalam data Noor Azlina

(1975), terdapat suatu contoh yang baik mengenai penggunaan lexis bahasa Inggeris. Lexis ini menekankan status keseimbangan iaitu penggunaan perkataan 'I' dan 'You' di antara komuniti Melayu yang berdwibahasa dalam percakapan mereka. Menurut beliau, komuniti Melayu yang berdwibahasa selalu mengguna bahasa Melayu dalam pemberian salam, penjemputan, perpisahan atau dalam perbincangan mengenai tajuk yang berkaitan dengan tradisional seperti masakan. Ini menunjukkan identifikasi etnik dan melahirkan perasaan seperti kasih sayang, setia, kerjasama, hormat dan bangga jika bahasa Melayu digunakan.

Ow Mee Yong (1993), telah membuat kajian percampuran kod terhadap mahasiswa UKM. Kajian beliau menunjukkan bahawa pilihan bahasa dan percampuran kod di antara mahasiswa Cina bergantung kepada latar belakang, tajuk, perangai penutur dan hubungan antara peribadi. Penutur selalu menukar kod dari bahasa Mandarin kepada bahasa Melayu atau dari bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu dan kepada bahasa Mandarin. Selain itu, penukaran kod dari bahasa Melayu kepada Inggeris merupakan kebiasaan dalam kalangan mahasiswa Cina. Menurut pendapat Ow Mee Yong, percampuran kod berlaku dalam kalangan mahasiswa Cina UKM apabila mereka bertutur dengan mahasiswa Melayu atau Cina semasa pertemuan tidak rasmi dalam kelas tutorial, semasa pergi ke bank atau berjumpa dengan kawan baru.

Menurut Asmah (1985), konteks atau situasi merupakan salah satu faktor yang menentukan berlakunya percampuran kod dan penukaran kod. Penukaran kod atau percampuran bahasa sering wujud dalam kalangan pengguna-pengguna bahasa yang berasal dari komuniti yang *bilingual* atau *berpolingual* seperti di Malaysia.

2.7 Kajian Mengenai Penggunaan Bahasa dalam Lagu

Menurut Burnham, S. (1995), adalah menjadi amalan biasa bagi pencipta lagu untuk mengabaikan aspek ciri-ciri bahasa, sebaliknya memberi tumpuan lebih kepada muzik.

Dalam hasil kajian Asnida bt Gani (1997), didapati susunan kata dalam lagu Melayu merupakan cetusan emosi penulis lirik yang berkait rapat dengan hidupnya dan masyarakat sekeliling. Kebanyakan lirik adalah ringkas, tepat dan padat serta dapat memberi gambaran maksud yang mendalam dan jelas dalam menyampaikan mesej. Menurutnya, lirik lagu lazimnya diklasifikasikan mengikut fungsi, mesej dan sasaran pendengar seperti lagu kanak-kanak yang diselitkan dengan unsur-unsur nasihat, lagu-lagu patriotik pula menyemarakkan semangat dan lagu-lagu cinta pula penuh dengan susunan kata puitis.

Dalam kajian Abkari Haji Abdullah (1996), pula menjelaskan bahawa lirik lagu menyumbang kepada kerosakan iman dan akidah para pendengarnya secara tidak disedari apabila ianya mempunyai unsur pemujaan sesuatu objek secara keterlaluan. Ini berlaku kerana ketika seseorang itu terlalu menghayati sesebuah lagu yang berbentuk pemujaan, sehingga mengikuti apa yang dilakukan oleh individu tersebut dan melupakan tanggungjawabnya sendiri. Beliau mengatakan bahawa perkara ini dilihat sebagai suatu aspek yang serius dan memberi kesan negatif kepada masyarakat umum. Menurutnya, nilai-nilai budaya masyarakat akan terganggu dengan perkara yang disebut di atas.


2.8 Rumusan Tinjauan Literature

Pengkaji telah merumuskan definisi teori dan kerangka konsep yang telah dikemukakan oleh para pengkaji mengenai percampuran dan penukaran kod untuk memudahkan pemahaman. Pada keseluruhannya teori-teori yang dikemukakan oleh para pengkaji menerangkan bahawa percampuran dan penukaran kod berlaku dalam situasi bilingual ataupun multilingual di mana lebih daripada dua bahasa dituturkan dalam situasi tertentu (Poplack, 1980; Gumperz, 1982; Davies & Bentahila 1983; Asmah Hj. Omar, 1985; Duran 1994).

Selain itu, para pengkaji juga mendefinisikan percampuran dan penukaran kod sebagai penyelitan dua sistem atau sub-sistem kenahuan yang berbeza dalam sesuatu ujaran yang sama (Myers-Scotton & William Ury, 1977; Poplack, 1980; Gumperz, 1982; Myers soctton, 1993; Jacobson, 2001). Kajian-kajian ini menjelaskan teori dan konsep mengenai intergrasi morfosintaksis apabila berlakunya percampuran dan penukaran kod. Kajian-kajian ini dilakukan dari dimensi struktur linguistik.

Para pengkaji juga telah mengemukakan pelbagai teori, konsep dan penjelasan dari dimensi sociolinguistik mengenai percampuran dan penukaran kod. Ini termasuk sikap pengguna terhadap sesuatu bahasa, faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya percampuran dan penukaran kod serta fungsinya (Rubin, 1962, 1969b; Blom dan Gumperz, 1972; Barrios, et.al, 1977; Poplack, 1988;)

Dengan itu teori, konsep dan penjelasan mengenai percampuran dan penukaran kod para penyelidik dapat dijelaskan seperti dalam rajah berikut:



Rajah 2.1 Kerangka Penganalisisan Percampuran dan Penukaran Kod

2.9 Kebaikan dan Keburukan Percampuran dan Penukaran Kod

Terdapat pelbagai andaian positif dan negatif terhadap penukaran kod dalam konteks rasmi dan tidak rasmi.

2.9.1 Kebaikan Percampuran dan Penukaran Kod

Ramai guru yang mengajar, terutamanya yang mengaplikasikan teknik komunikasi, tidak menyokong penggunaan bahasa ibunda atau penukaran kod dalam kelas. Manakala, guru yang menyokong penggunaan bahasa ibunda dalam bentuk penukaran atau percampuran kod, bersetuju bahawa ia merupakan strategi yang berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran (Valdes-Fallis, 1978).

Menurut Bacigalupi (1997), penukaran kod di pusat remaja Latino, membantu penutur Spanyol dan bukan Spanyol dalam perbualan mereka. Melalui penukaran kod, penutur bukan Spanyol dapat menjawab soalan penutur Spanyol walaupun semua soalan dalam bahasa Spanyol. Penukaran kod ini mengurangkan jurang maksud perkataan yang tidak dikenali dalam bahasa lain. Selain itu, ia juga membantu penutur dwibahasa untuk berbual dalam kedua-dua bahasa. Bacigalupi juga mengatakan bahawa penukaran kod bukan alat untuk mengenal pasti ketidakcekan masyarakat yang mengetahui dua atau lebih bahasa. Malah, ia merupakan satu bentuk komunikasi yang dipersetujui oleh kedua-dua penutur yang terlibat.

Menurut Skiba (1997), dalam Sert (2005), penukaran kod merupakan elemen penting dalam komunikasi. Ia memberi maklumat dan menjadi alat untuk melanjutkan perbualan tanpa sebarang gangguan dalam sesuatu bahasa. Sert (2005), mengatakan bahawa penukaran kod memainkan peranan penting kepada bahasa natif di mana melalui penukar kod dapat mempelajari perkataan baru daripada bahasa asing tanpa disedari.

Huerta-Macias dan Ouentero (1992), pula mengatakan bahawa penukaran kod memperbaiki kefahaman dua hala perbualan dan mewujudkan perhubungan erat di antara mereka serta memberi pandangan tanpa mengira bahasa yang digunakan. Tambahan pula, penukaran kod dalam kelas adalah praktikal dan munasabah untuk membantu memperbaiki kemahiran dwibahasa pelajar. Ia juga memberi jiwa kepada proses pengajaran dan pembelajaran dalam kelas dan membantu memelihara serta membangunkan bahasa bagi sesiapa yang mampu berbual dalam dwibahasa. Menurut beliau, pemeliharaan dan pembangunan sesuatu bahasa wujud daripada penggunaan

kedua-dua bahasa dalam aktiviti yang bermakna seperti pembacaan, penulisan, pendengaran dan percakapan. Seterusnya, penukaran kod diguna untuk mempebaiki teknik komunikasi dari segi tulisan dan lisan.

2.9.2 Keburukan Percampuran dan Penukaran Kod

Terdapat juga beberapa keburukan daripada penukaran kod. Menurut Cook (2002), dalam Sert (2005), bagi pelajar yang tidak mempunyai bahasa asal yang sama, mungkin terasa asing apabila penukaran kod dilakukan dalam kelas yang menggunakan pelbagai bahasa. Oleh itu, Cook menjelaskan supaya semua pelajar harus mempunyai bahasa natif yang sama supaya ia memudahkan pemberian arahan dalam kelas yang menggunakan pelbagai bahasa.

Eldridge (1996), dalam Sert (2005), menyatakan bahawa *“the learners have no guarantee that their audience will share knowledge of their mother tongue”*. Perspektif ini berkaitan dengan interaksi pelajar dengan bahasa yang disasarkan oleh penutur bahasa natif. Dalam situasi ini, kebolehan untuk memahami secara bersama sukar untuk dicapai apabila penutur bahasa natif mengalihkan bahasanya dalam sesuatu perbualan.

Gibbons (1987), dalam Duran (1994), dalam kajiannya mengenai penutur bahasa Cantonese-Inggeris di Hong Kong, mengatakan bahawa penggunaan penukaran kod dan percampuran bahasa dikatakan sebagai perlakuan yang buruk, sombong, menunjuk-nunjuk dan berasa bangga dari pandangan penutur bahasa Cantonese sahaja.

Menurut Chana (19848), dalam Duran (1994), sesuatu peralihan kod menyebabkan penuturnya tidak bermotivasi dan kurang kesedaran diri apabila menggunakan penukaran kod. Penutur tersebut dianggap kurang fasih dan tidak pandai terhadap sesebuah bahasa.

Heredia & Altarriba (2000), menyatakan bahawa karya sastera yang ditulis dalam dwibahasa adalah lebih sukar dan mengambil masa yang lama untuk membaca serta memahami ayat yang mempunyai penukaran kod berbanding dengan ayat dengan satu bahasa sahaja. Ini disebabkan oleh penggunaan lebih daripada dua bahasa dalam ayat dwibahasa. Maka ia mengambil masa yang lama kepada pembaca untuk mentafsir isi kandungannya.

2.10 Kesimpulan

Secara kesimpulannya, bab ini membincangkan pelbagai definisi, gaya, fungsi, dan faktor-faktor berlakunya percampuran dan penukaran kod. Tinjauan literatur juga dilakukan mengenai muzik dan lagu serta kebaikan dan keburukan percampuran dan penukaran kod. Pengkaji telah mengemukakan kajian dalaman dan kajian luar negara bagi memberikan satu gambaran yang jelas mengenai percampuran dan penukaran kod. Berpandukan pendapat dan dapatan kajian dalam bab ini, pengkaji ingin menerokai secara lebih mendalam lagi mengenai percampuran dan penukaran kod yang berlaku dalam lirik lagu-lagu Tamil tempatan di Malaysia.